

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Projek The Malaysian Cohort yang berurusetia di **Institut Perubatan Molekul UKM (UMBI)** merupakan satu projek penyelidikan kebangsaan yang telah diluluskan oleh Kabinet. Kami menjemput anda warganegara Malaysia, berumur 18 tahun dan ke atas yang berminat dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:

**JAWATAN : PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT F41 (1 KEKOSONGAN)**

**TARAF JAWATAN : KONTRAK**

**TARIKH IKLAN : 15 DISEMBER 2017 HINGGA 22 DISEMBER 2017**

---

**SYARAT LANTIKAN:**

- a) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang Sains Komputer atau Teknologi Maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan RM2,145.88); ATAU
- b) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan RM2,353.44); DAN
- c) Lulus B.M (termasuk ujian lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

**KEUTAMAAN DIBERIKAN KEPADA CALON BERIKUT:**

1. Berpengalaman dalam mengurus dan menyelenggara peralatan teknologi maklumat.
2. Berpengetahuan dalam bahasa pengaturcaraan (.Net/C#/PHP) dan mengurus pangkalan data (MS SQL Server dan MySQL) agar dapat menyokong keperluan projek.
3. Berpengetahuan berkaitan sistem operasi (*Windows/Linux*) dan aplikasi (*freeware/shareware/opensource/community edition*)
4. Mengurus peralatan dan keselamatan rangkaian LAN dan WAN secara optima
5. Berkemahiran dalam merekabentuk media cetak dan elektronik serta berpengetahuan mengendali peralatan audio visual (kamera/video/audio/teleconference)
6. Berkemahiran mengendali CMS (Wordpress, Joomla! dan media sosial)
7. Memberi bantuan, khidmat nasihat dan latihan kepada pengguna (pelajar, kakitangan dan pihak pengurusan) untuk meningkatkan keupayaan infrastruktur serta aplikasi ICT
8. Berkebolehan mengaturcara aplikasi mudah alih (Android/iOS) adalah satu kelebihan
9. Boleh bekerja secara individu dan berkumpulan serta menjalankan tugas lain seperti yang diarahkan oleh Ketua Projek tanpa/di bawah pengawasan yang minimum dan lebih masa sekiranya diperlukan.
10. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris
11. Bersedia untuk bekerja di lapangan/luar bandar sekiranya diperlukan
12. Pengalaman bekerja sekurang-kurangnya 2 tahun. Namun begitu, calon yang baru menamatkan pengajian juga digalakkan memohon (sudah menerima transkrip)

**CARA MEMOHON:**

- a) Sila emel resume yang lengkap kepada [the\\_malaysian\\_cohort@yahoo.com.my](mailto:the_malaysian_cohort@yahoo.com.my)
- b) Calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil menghadiri temuduga

**PERTANYAAN LANJUT**

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dimajukan kepada Pn.Farliza Zakaria/ En.Mohd Arman di talian **03-9145 9040/03-9145 9124** yang beralamat di Institut Perubatan Molekul UKM (UMBI), Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak 56000 Cheras, Kuala Lumpur.